

Amy Mastura

Persis anak dara! Terserlah keanggunan penyanyi dan pelakon popular, Amy Mastura tatkala muncul dalam satu majlis media. Sederhana sambil rambutnya dibiarkan mengurai, Amy tidak berlebih-lebih untuk nampak bergaya. Gaun serba hitam yang ditambahkan dengan tali pinggang halus benar-benar mempesonakan.



**OK
tak OK**

**Sharifah Sakinah**

Jarang nampak pelakon muda, Sharifah Sakinah ketinggalan dalam bergaya. Ketika hadir pada majlis pelancaran drama bersiri *Dalam Hati Ada Taman* gayanya seolah-olah tenggelam. Antara faktor yang 'menggagalkan' penampilannya ialah gaya rambut, solekan serta penampilan yang tidak mewakili gaya sebenar dirinya. Cuba lagi!



Ilham gaya ranggi

» Jeep tampil dengan fesyen lasak dan klasik

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bharian.com.my

Fesyen daripada pakaian lasak dan ranggi sekitar 1940 dan 50-an semakin menjadi ikutan dan Jeep mengambil ilham gaya ranggi ini untuk koleksi terbaru mereka.

Jeep membentangkan pelbagai gaya pakaian yang bermotifkan era zaman lalu dikenali sebagai Totally Vintage Collection 2012.

Bertemakan Live Without Limits dan diilhamkan dari koleksi pakaian kasual vintaj Jeep Willys, koleksi terbaru ini adalah satu penghormatan kepada jiwa yang lasak dan mencabar, tetapi pada masa yang sama memberi gaya ranggi anak kota.

Gaya yang diilhamkan dan fesyen koleksi terbaru Jeep tampil lebih berani dengan permainan warna-warna terang seperti oren, kuning, biru dengan warna asas coklat dan kuning.

Tidak ketinggalan fesyen dan corak berani seperti jalur, denim berwarna

pelangi dan terang serta clean cuts memberikan satu gambaran kreatif dan lasak terhadap pemakai.

Ini adalah koleksi terbaru yang mencabar jiwa fesyen dan keberanian dalam berfesyen untuk golongan lelaki muda. kebiasaannya Jeep dikenali sebagai pakaian lasak dan sesuai untuk dipakai semasa melakukan aktiviti luar.

Namun koleksi terbaru Jeep ini membuktikan bukan saja lasak untuk dipakai semasa aktiviti luar malah ia masih boleh digayakan semasa bersiar atau bertemu dengan rakan-rakan.

Inspirasi gaya tentera

Paling menarik untuk koleksi kali ini adalah inspirasi gaya tentera, ramai yang sukakan gaya tentera yang berwarna celoreng dan menggunakan fabrik yang sedikit tebal.

Ini yang cuba dilakukan Jeep, memberi inspirasi baru dalam berpakaian ala tentera dan pada masa yang sama memberi penghormatan terhadap gaya tentera

sebegini.

Baju T asas koleksi kali ini memberikan ilham percikan sikap, yang datang dalam warna putih, coklat atau hitam manakala kemeja polo klasik boleh didapati dalam warna asas atau dengan sentuhan vintaj dalam jalur oren-merah.

Bagi lelaki moden yang lasak mereka mahukan gaya bijak seperti baju corak klasik dalam warna merah dan coklat, atau dengan jaket untuk memberi satu gambaran unik personaliti pemakai dan gaya.

Seluar pendek dan seluar Bermudas juga turut mengambil ilham gaya vintaj, dengan memberikan warna solid kelabu dan coklat.

Jeans dan seluar kargo turut hadir dalam pelbagai warna bumi melengkapkan lagi gaya hidup lelaki moden yang lasak. Sesuai dipakai untuk keluar di malam minggu atau melakukan aktiviti lasak.

